# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI CAWANGAN LATIHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

OLEH

ABDUL HAADIY BIN GHULAM MOHD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM)

2006

/3373

1100045538 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LP 1 FPE 2 2006

1100045538
Laporan akhir latihan industri di Cawangan Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan Malaysia / Abdul Haadiy Ghulam Mohd.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100045538 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

LP
1
FPE
2
2006

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI CAWANGAN LATIHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

OLEH:
ABDUL HAADIY BIN GHULAM MOHD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)
2006

1100045538

# ISI KANDUNGAN


| Kandungan | Muka Surat |
|---|---|
| Pengesahan Keaslian Laporan | i |
| Penghargaan | ii |
| Senarai Lampiran | iii |
| Ringkasan Eksekutif | iv |
| **Bab 1: Pengenalan** | |
| 1.1 Kementerian Pertahanan Malaysia | 3 |
| 1.1.1 Wawasan | 3 |
| 1.1.2 Misi | 3 |
| 1.1.3 Objektif | 4 |
| 1.1.4 Fungsi dan Tanggungjawab | 4 |
| 1.1.5 Piagam Pelanggan | 5 |
| 1.1.6 Dasar Pertahanan Negara | 5 |
| 1.2 Latar Belakang Organisasi | 10 |
| 1.2.1 Maklumat Organisasi | 11 |
| 1.2.2 Objektif | 12 |
| 1.2.3 Fungsi Utama | 12 |
| 1.2.4 Aktiviti-aktiviti Utama Bagi Fungsi Utama Cawangan Latihan | 13 |
| Carta Organisasi | 15 |

1.3 Aktiviti dan Latihan Yang Dijalankan Oleh Cawangan Latihan 16

1.3.1 Latihan Asas 16

1.3.2 Latihan Induksi 17

1.3.3 Latihan Kompetensi Umum 18

1.3.4 Latihan Kompetensi Khusus 19

1.3.5 Latihan Bahasa Inggeris 21

1.3.6 Latihan Kewangan 22

1.3.7 Latihan Pengukuhan 23

1.3.8 Latihan Peralihan 24

1.4 Kemahiran Yang Dipelajari 25

1.4.1 Mengendali dan Mengurusetia Program Latihan 26

1.4.2 Menjalankan Tugas Sebagai Urusetia 31

1.4.3 Pengurusan Pejabat 34

**Bab 2: Analisis Sistem Kerja, Masalah Dan Penyelesaian**

2.1 Sistem Kad Perakam Waktu (SKPW) 35

2.1.1 Pengenalpastian Masalah 40

2.1.2 Analisis Dan Perbincangan 41

2.1.3 Cadangan Dan Penyelesaian 42

2.2 Sistem Maklumat Latihan (SML) 43

2.2.1 Pengenalpastian Masalah 45

2.2.2 Analisis Dan Perbincangan 46

2.2.3 Cadangan Dan Penyelesaian 47

2.3 Sistem Pengendalian Kursus (SPK) 48

2.3.1 Pengenalpastian Masalah 50

2.3.2 Analisis Dan Perbincangan 51

2.3.3 Cadangan Dan Penyelesaian 52

**Bab 3: Penutup**

3.1 Pengenalan 54

3.2 Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan 54

3.3 Cadangan Latihan Industri 57

**Rujukan**

**Lampiran**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Abdul Haadiy bin Ghulam Mohd**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**Tandatangan**

______________________________

**Nama** : **Abdul Haadiy bin Ghulam Mohd**

**Tarikh** : 20 NOV 2006

**Disahkan Oleh:**

______________________________

**Pn. Rosyidah Muhammad**
**Penyelia KUSTEM**
**b/p Pengerusi Latihan Industri**
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan kasih sayangnya serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W pelatih dapat menjalani latihan industri dan menghasilkan laporan akhir latihan industri dengan jayanya.

Terlebih dahulu, pelatih ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pn. Rosyidah Binti Muhammad selaku penyelia industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) diatas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri. Segala kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan beliau amatlah pelatih hargai.

Seterusnya pelatih juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan dalam menerima kehadiran pelatih untuk menjalankan latihan industri di Cawangan Latihan. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Datin Taayah Binti Abdul Rahman, selaku penyelia organisasi dalam memberi panduan, bantuan, kerjasama dan begitu komited terhadap latihan industri yang dijalankan oleh pelatih sepanjang tempoh 3 bulan. Begitu juga kepada semua pegawai dan kakitangan Cawangan Latihan di Wisma Pertahanan serta di Pusat Latihan Awam (PLATIH) yang banyak memberi kerjasama dan tunjuk ajar yang berguna kepada pelatih serta seluruh warga kerja Kementerian Pertahanan yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa membantu pelatih menjalani Latihan Industri di Cawangan Latihan.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa serta keluarga dan sanak saudara tercinta yang banyak memberi dorongan dan bantuan terutamanya dari segi kewangan sepanjang pelatih menjalani latihan industri dan kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberi semangat dan bantuan dalam menyiapkan laporan akhir ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| **Lampiran 1** | Surat Pengesahan Tamat Latihan Industri |
| **Lampiran 2** | Buku Projek Latihan Awam 2006 |
| **Lampiran 3** | Pamphlet Kursus Induksi Umum |
| **Lampiran 4** | Pamphlet Kursus Kemahiran Komunikasi Berkesan |
| **Lampiran 5** | Sijil Kehadiran Kursus Orientasi Ketenteraan |
| **Lampiran 6** | Gambar Kursus Kemahiran Komunikasi Berkesan |
| **Lampiran 7** | Gambar Kursus Orientasi Ketenteraan |
| **Lampiran 8** | Gambar Makan Malam Rejimental Kursus Orientasi Ketenteraan |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan satu kursus penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui Latihan Industri pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja.

Melalui Latihan Industri, apa yang selama ini dipelajari di dalam bilik kuliah telah dapat pelatih lihat melalui realiti alam pekerjaan. Selain itu, Latihan Industri turut mendedahkan pelatih mengenai gambaran dan situasi sebenar alam pekerjaan. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan dari segi aspek kemahiran asas mengenai profesionalisme pekerjaan di mana ianya berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki oleh pelatih ketika ini di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Sepanjang tiga bulan menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di Cawangan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan Malaysia. Cawangan Latihan merupakan cawangan yang mampu merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan sistematik kearah pembangunan sumber manusia yang berpengetahuan dan kompeten selaras dengan hasrat kementerian sebagai sebuah organisasi pembelajaran.

Hasil daripada penempatan ini, Pelatih telah telah didedahkan dengan amalan Pengurusan Sumber Manusia yang sebenar, Pengurusan Pentadbiran pejabat, Pengurusan Etika Kerja, Prosedur Kerja, Polisi Kerajaan dan membantu dalam menguruskan kursus mahupun aktiviti latihan. Pelatih turut berpeluang mempelajari banyak perkara baru dan mengenalpasti beberapa masalah serta mengesan beberapa sistem kerja yang sedia ada di organisasi. Pelatih telah melakukan beberapa analisis terhadap masalah-masalah yang dikenalpasti dalam sistem kerja terbabit.

Justeru, melalui laporan ini pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk masalah yang timbul. Namun ingin dijelaskan di sini, tidak semua masalah yang diutarakan merujuk kepada masalah yang sebenar, kerana ada antara masalah tersebut lahir daripada buah fikiran pelatih sendiri. Secara keseluruhannya, pelatih berharap agar laporan ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak membacanya kelak.